

PENGARUH MEDIA TERHADAP KESIHATAN MENTAL DALAM KALANGAN MASYARAKAT

Raja Nurul Hafizah Raja Ismail¹ & Wan Hashridz Rizal Wan Abu Bakar²

¹Jabatan Pendidikan & Pembangunan Insan, Fakulti Pengajian Islam,
Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

²Jabatan Dakwah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

Abstrak

Isu kesihatan mental merupakan satu isu yang tidak asing lagi kepada masyarakat dunia khususnya di Malaysia. Berdasarkan kajian Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2018, berlaku peningkatan terhadap statistik penghidap penyakit mental iaitu satu per sepuluh dalam kalangan dewasa menghidap kemurungan. Hal ini selari dengan pernyataan daripada World Health Organization (WHO) melaporkan bahawa bunuh diri adalah di antara 10 penyebab utama di dunia manakala di Malaysia penyakit mental dijangka menjadi kedua tertinggi dihidapi rakyat Malaysia menjelang 2020. Sehubungan dengan itu, media dilihat sebagai salah satu pengaruh terhadap isu kesihatan mental. Walaubagaimanapun, kajian mengenai pengaruh media terhadap isu kesihatan mental di Malaysia masih kurang didedahkan. Kajian ini adalah bertujuan untuk meneroka secara ilmiah mengenai media Malaysia, peranan media sosial terhadap kesedaran kesihatan mental serta stigma yang wujud tentang isu kesihatan mental melalui media massa. Melalui tinjauan literatur ini mendapati media mempengaruhi peningkatan stigma terhadap isu kesihatan mental dalam masyarakat serta kajian yang lebih terperinci tentang pengaruh media mengenai isu kesihatan mental di Malaysia perlu diperluaskan.

Kata Kunci: Pengaruh media, Isu kesihatan mental, Media massa, stigma

Perkembangan Artikel

Diterima: 13/10/2020

Disemak: 14/11/2020

Diterbitkan: 15/12/2020

Penulis Utama:

Raja Nurul Hafizah Raja Ismail

Jabatan Pendidikan dan Pembangunan Insan, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS), Kuantan, Pahang, Malaysia

E-mel:

hafizah@kuipsas.edu.my

PENGENALAN

Secara amnya, penekanan tentang penjagaan kesihatan fizikal lebih dititikberatkan terutamanya pengambilan makanan atau diet seimbang dan juga aktiviti-aktiviti senaman agar kesihatan diri berada di tahap yang optimum. Namun dewasa ini, kesihatan mental juga merupakan salah satu aspek yang perlu ditekankan bagi menjalani hidup yang sejahtera pada era globalisasi yang kian mencabar.

Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (2013), kesihatan mental didefinisikan sebagai keupayaan individu untuk mengekalkan satu hubungan yang harmoni dengan orang lain, berupaya untuk bergiat dalam aktiviti kemasyarakatan dan kebolehan untuk memberi satu sumbangan kepada komuniti. Hal ini bermakna kesihatan mental merujuk kepada sesuatu keadaan yang membolehkan individu atau masyarakat berfungsi secara efektif. Kesihatan mental dalam kalangan masyarakat Malaysia khususnya ialah satu perkara yang tidak asing lagi dan sering kali berita-berita mengenai kesihatan mental menghiasi dada akhbar dan juga media massa yang lain. Hasil kajian daripada Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2018, satu per sepuluh dalam kalangan warga tua atau dewasa mengalami masalah kemurungan yang mencatatkan 12% terdiri daripada wanita dan 11% merupakan lelaki. Kesihatan mental yang merupakan salah satu aspek yang sering dipandang serong atau stigma yang menganggap kurangnya kesihatan mental merupakan salah satu penyakit gila sering kali dijadikan sebagai tajuk utama media massa (Zul Azlin, Suhaila & Rabi'atul 'Adawiyah, 2018).

Media massa yang ditekankan di sini adalah media penyiaran; televisyen dan radio, media bercetak; akhbar dan majalah, dan media dalam talian; laman web, media sosial (*Facebook, Twitter, Instagram* dan sebagainya) dan juga blog. Antara tajuk yang selalunya disiarkan di media massa dewasa ini adalah "Hari Kesihatan Mental Sedunia 2019: Promosi kesihatan mental dan pencegahan bunuh diri" Astro Awani, 10 Okt. 2019, "Tekanan punca gangguan mental" Berita Harian, 12 Okt. 2019, "Pesakit Mental mangsa diskriminasi" Sinar Harian, 6 Nov. 2019. Tidak kurang juga terdapat banyak media yang melaporkan tentang kejadian atau kes bunuh diri yang berlaku di negara ini. Ketakutan, perasaan seram dan kesedihan dalam kes bunuh diri sentiasa menarik perhatian orang ramai dan keadaan ini sering diserlahkan atau dilaporkan dalam media seperti televisyen, radio, akhbar serta media sosial yang lain (Mohamad Afiq et al., 2017).

METODOLOGI

Artikel ini adalah berdasarkan penyelidikan perpustakaan yang membincangkan tentang perkembangan media di Malaysia, stigma isu kesihatan mental dan pengaruh media dalam isu kesihatan mental. Tinjauan literatur ini adalah berdasarkan 25 artikel kajian-kajian terdahulu yang diambil antara tahun 2014 sehingga tahun 2019 melalui carian di *Google Scholar, Scopus, ScienceDirect, Elsevier, SAGE Journal* dan lain-lain sumber yang diakui kesahihan dan kebolehpercayaan artikel tersebut. Terdapat beberapa kata kunci yang digunakan dalam pencarian artikel seperti '*media and mental health awareness*', '*perkembangan media di Malaysia*' dan '*mental health issues*'.

PENGARUH MEDIA DAN KESIHATAN MENTAL

Terdapat banyak kajian lepas yang mengaitkan tentang peranan media terhadap kesedaran kesihatan mental. Menurut Reavley, Jorm & Morgan (2016), laporan media merupakan salah satu faktor wujudnya stigma tentang isu kesihatan mental dan mengaitkan pesakit mental sebagai seorang yang boleh mendatangkan bahaya kepada orang sekeliling seperti pesakit skizofrenia. Namun kenyataan ini disangkal dengan dapatan kajian lepas bahawa kebanyakan orang yang mengalami masalah mental sebenarnya tidak ganas dan mereka lebih cenderung untuk menjadi mangsa keganasan termasuk sebagai mangsa pembunuhan (Rodway et al., 2014).

Hal ini disokong oleh Ainsah dan Osman (2013) yang menyatakan lazimnya media memberikan gambaran yang negatif tentang pesakit mental walaupun terdapat fakta bahawa pesakit mental secara umumnya tidak ganas dan dapat dirawat dengan rawatan dan intervensi yang bersesuaian selain mampu untuk menjadi warganegara yang berfungsi. Kebanyakan kajian-kajian lepas mengkaji tentang bagaimana media (khususnya media cetak seperti surat khabar) berperanan untuk memberi gambaran tentang isu kesihatan mental di Malaysia (Zul Azlin, Suhaila & Rabi'atul 'Adawiyah, 2018; Mohamad Afiq et al., 2017).

Perkembangan Media di Malaysia

Perkembangan media di Malaysia bermula dengan pengenalan media cetak kepada masyarakat di Tanah Melayu pada ketika itu. Kemudian, teknologi media elektronik mula bertapak di Malaysia dan seterusnya berevolusi menjadi media baru yang berpaksikan Internet sebagai nadi utama. Menurut Lee dan Mohd Safar (2016), *Prince of Wales Island Gazette* merupakan akhbar Bahasa Inggeris pertama yang diterbitkan pada 1806 di Pulau Pinang. Penerbitan akhbar ini dikhususkan kepada kerajaan kolonial British di Tanah Melayu pada ketika itu. Terdapat juga akhbar lain yang wujud sebelum abad ke-19 antaranya *Penang Gazette* (1838), *The Straits Times* (1845), *Malay Mail* (1896) dan *Jawi Peranakan* (1876). Menelusuri pertambahan akhbar di Malaysia, kebanyakan akhbar wujud ketika zaman pra-merdeka seperti Utusan Melayu, Utusan Zaman, Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu dan sebagainya.

Sejarah media elektronik di Malaysia bermula pada tahun 1921 setelah seorang jurutera elektrik kerajaan Johor iaitu Al Birch membawa pulang set radio ke Tanah Melayu. Selepas itu, beliau menubuhkan Persatuan Wireless Johor dan memulakan siaran melalui gelombang 300 meter. Al Birch juga turut menubuhkan persatuan itu di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Bertitik tolak usaha itu, persatuan *Wireless* Malaysia telah melancarkan siarannya dari Bukit Petaling, Kuala Lumpur dan pelbagai usaha seterusnya dilakukan oleh Sir Shenton Thomas sehingga wujudnya Perbadanan Penyiaran Malaya yang merupakan sebahagian daripada Kementerian Penerangan British. Tanggal 1 April 1946, Jabatan Penyiaran ditubuhkan di Singapura. Ketika Malaysia sedang dalam keadaan darurat pada tahun 1948, pembangunan radio dilihat semakin penting dalam menyebarkan maklumat. Pada tahun 1956, Jabatan Penyiaran berpindah lagi ke Rumah Persekutuan Kuala Lumpur. Perpindahan ini secara langsung memberikan kesan kepada perkembangan penyiaran di negara apabila beberapa buah stesen radio diwujudkan di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Bidang penyiaran negara kemudiannya memasuki lembaran baru apabila TV1 dilancarkan pada 28 Disember 1963 dan beberapa tahun selepas itu TV2 memulakan siaran secara rasmi pada 17 November 1969. Selain Radio Televisyen Malaysia (RTM), Media Prima turut menyemarakkan industri media elektronik negara dengan mempunyai empat saluran televisyen iaitu TV3, NTV7, 8TV, dan TV9 selain turut memiliki empat saluran radio iaitu Hot FM, Kool FM, Fly FM dan One FM (Roslina, Wan Amizah & Ali, 2013). Seperti yang dinyatakan oleh Lee dan Mohd Safar (2016), RTM dan Media Prima merupakan dua jenama besar dalam industri penyiaran *Free To Air* (FTA) untuk rakyat Malaysia. Terdapat juga TV Al Hijrah yang memfokuskan kepada penyiaran dakwah agama Islam.

Kemunculan stesen televisyen berbayar seperti Astro melalui Measat *Boardcast Network System* Sdn Bhd sebenarnya telah mengubah landskap penyiaran negara. Kehadiran Astro telah membuka peluang kepada masyarakat di Malaysia untuk menonton lebih banyak siaran dari

luar negara dan tidak terhad seperti mana sebelum ini yang cuma dapat ditonton melalui siaran FTA sedia ada. Walaupun perkhidmatan ini berbayar pihak Astro tetap mampu meraih pelanggan yang ramai kerana menawarkan inti sari rancangan yang lebih menarik berbanding televisyen FTA. Namun kedatangan media baru sedikit sebanyak telah merencatkan perkembangan dan kelangsungan media cetak dan media elektronik.

Menurut *Cambridge Dictionary*, media baru bermaksud produk dan perkhidmatan yang memberikan maklumat atau hiburan menggunakan komputer atau Internet dan bukan melalui kaedah tradisional seperti televisyen dan akhbar. Menerusi Laporan Tahunan 2012 *Malaysian Communications and Multimedia Commission* (MCMC) seramai 19 juta orang menggunakan Internet dan statistik pada tahun 2016 mencatatkan sebanyak 21 juta orang pengguna Internet di Malaysia iaitu meningkatkan ke 68.5 peratus (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2016). Perkembangan ini turut memberi kesan kepada media elektronik apabila rakyat di Malaysia lebih gemar menghabiskan masa dalam talian berbanding menonton televisyen dan mendengar radio.

Peranan Media Sosial Terhadap Kesedaran Kesihatan Mental

Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua, media ditakrifkan sebagai alat atau medium perantara dalam komunikasi atau dalam perhubungan manakala sosial bermaksud segala perkara yang berkaitan dengan masyarakat. Secara ringkasnya, media sosial boleh didefinisikan sebagai satu platform atau aplikasi yang membolehkan pengguna berkongsi dan berinteraksi dalam rangkaian sosial. Masyarakat di negara ini juga dilihat semakin lama semakin ramai yang menggunakan peranti bagi tujuan menggunakan media sosial. Dalam Laporan Digital 2018 yang dikeluarkan oleh *Hootsuite* dan *We Are Social*, jumlah pengguna Internet di Malaysia meningkat mendadak iaitu 79 peratus penduduk Malaysia memperuntukkan secara purata tiga jam sehari di laman media sosial (Ili Hadri Khalil, 2018).

Penggunaan media sosial secara meluas dilihat sebagai satu medium komunikasi yang baik dalam menyampaikan maklumat terutamanya kesedaran tentang kesihatan mental sebagai contoh kempen kesedaran kesihatan melalui *Twitter*, *Facebook* dan lain-lain media sosial (Saha, Torous, Ernala, Rizuto, Stafford & De Choudhury, 2019; Xu, Markson, Costello, Xing, Demissie & Llanos, 2016; Hawn, 2009; Fergie, Hunt & Hilton, 2016). Selain itu, media sosial juga dilihat sebagai satu platform untuk berdiskusi secara terbuka terutamanya bagi mereka yang pernah mengalami isu kesihatan mental serta merupakan salah satu forum yang popular untuk orang ramai berkongsi pendapat, nasihat dan maklumat tentang kesihatan mental (McClellan, Ali, Mutter, Kroutil & Landwehr, 2016).

Media sosial membawa satu dimensi baru dalam perkembangan penjagaan kesihatan kerana ianya digunakan secara meluas oleh setiap lapisan masyarakat dan berpotensi sebagai platform atau alat komunikasi utama dalam menyampaikan maklumat tentang kesihatan mental (Moorhead, Hazlett, Harrison, Carroll, Irwin & Hoving, 2013). Namun pengguna haruslah lebih berhati-hati dengan segala informasi yang terdapat di media sosial kerana sering kali fakta sebenar dimanipulasikan dan keadaan ini boleh membawa kepada tercetusnya '*public panic*' dalam kalangan masyarakat. Hal ini bersesuaian dengan satu artikel yang dikeluarkan oleh Berita Harian pada 19 Jun 2019, berita palsu dan tidak tepat yang dikongsi oleh masyarakat yang kurang celik tentang mendapatkan kesahihan sesuatu maklumat mempunyai potensi untuk menggugat keamanan dan keselamatan negara (Nuurrianti, 2019).

Secara teorinya, hasil satu kajian yang dijalankan oleh Burnell dan Kuther (2016) mendapati kebanyakan golongan muda atau disebut sebagai golongan belia yang menghadapi masalah kurang perhatian sosial (keluarga, rakan-rakan atau masyarakat sekitar) lebih cenderung untuk menggunakan medium yang lebih mudah digunakan untuk berinteraksi iaitu melalui media sosial. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan kurangnya interaksi sosial secara bersemuka dalam kalangan masyarakat (Hayes, Maughan & Peterkin, 2016). Sebagai contoh dalam kes yang berkaitan dengan kesihatan mental, seorang remaja bertindak 'merealisasikan' undian Netizen dengan terjun di sebuah bangunan selepas mendapat peratusan undian yang tinggi melalui akaun *Instagram* oleh Netizen yang mengundinya untuk mati (Astro Awani, 14 Mei 2019). Keadaan ini menunjukkan bahawa media sosial mempunyai pengaruh yang besar dalam kalangan masyarakat pada era ini.

Stigma Masyarakat di Media Terhadap Isu Kesihatan Mental

Stigma merujuk kepada tanda malu atau penolakan yang mengakibatkan seseorang individu itu ditolak, diskriminasi dan dikecualikan daripada menyertai masyarakat (*World Health Organization* [WHO], 2001). Isu kesihatan mental dilihat sebagai satu isu dan sinonim dengan panggilan penyakit 'gila' (Zul Azlin, Suhaila & Rabi'atul 'Adawiyah, 2018). Hal ini juga tidak terlepas dengan berita yang dilaporkan oleh media massa tempatan. Menurut satu kajian yang dijalankan oleh Reavley, Jorm & Morgan (2016), pengkaji mendapati stigma bagi pesakit mental skizofrenia (yang menunjukkan episod awal penyakit tersebut) selalunya digambarkan sebagai seorang yang berbahaya oleh media tempatan. Senario ini sebenarnya bertentangan dengan fakta bahawa pesakit mental sering kali menjadi mangsa pembunuhan. Hal ini dibuktikan oleh Rodway, Flynn, While, Rahman, Kapur, Appleby, & Shaw (2014) dalam satu kajian mendapati kadar menjadi mangsa pembunuhan adalah dua setengah kali lebih tinggi bagi pesakit mental berbanding penduduk umum.

Filem 'Joker' misalnya adalah sebuah filem yang mendapat pelbagai reaksi masyarakat terutamanya di media sosial. Isu kesihatan mental menjadi satu trivia yang terdapat dalam jalan cerita filem ini dan gambaran negatif tentang pesakit mental dalam media popular sering mengakibatkan kekeliruan dan memupuk kepercayaan palsu dalam kalangan masyarakat (Goodwin dan Izzat, 2016). Dalam satu artikel yang dikeluarkan oleh Mufti Wilayah Persekutuan pada 10 Oktober 2019, beliau beranggapan bahawa filem Joker ini memaparkan realiti semasa masyarakat dan bagaimana seseorang itu mengalami penderaan mental disebabkan oleh keadaan sekeliling iaitu penderaan mental dan fizikal, disisihkan oleh masyarakat dan kesempitan hidup akibat faktor kewangan (Zulkifli, 2019). Dalam satu kajian literatur, pengaruh media terhadap isu kesihatan mental mendapati representasi filem dan laporan akhbar tentang penyakit mental akan kekal menjadi sebahagian daripada cara pembaca atau penonton mendapatkan kepuasan, keseronokan dan sebagai satu bahan hiburan (Anderson, 2006).

Salah faham atau persepsi negatif terhadap pesakit mental termasuklah dalam kalangan keluarga sendiri yang menganggap mereka di luar norma manusia sebagai contoh mempunyai masalah tingkah laku, seorang yang pemalas, agresif dan pelik (Shoesmith et.al., 2017). Keadaan ini juga tidak terkecuali bagi pesakit yang mengalami kemurungan (depresi) yang membawa kepada kecenderungan untuk membunuh diri. Di Malaysia, terdapat banyak artikel dalam media yang disiarkan akhbar tertentu yang menyerlahkan kisah dan perkara yang berkaitan dengan perbuatan percubaan membunuh diri atau membunuh diri (Mohamad Afiq et al., 2017). Dalam satu kajian yang mengkaji tentang bagaimana media massa melaporkan kes

atau berita tentang isu kesihatan mental, 78% daripada petikan akhbar di media massa tempatan memaparkan nada negatif terhadap kes-kes sebegini seperti perkataan ‘gila’, ‘sakit mental’ dan beberapa lagi perkataan yang lazimnya menjadi tajuk berita di akhbar (Zul Azlin, Suhaila & Rabi’atul ‘Adawiyah, 2018). Gambaran secara terperinci yang disiarkan oleh akhbar tentang bagaimana mangsa membunuh diri juga boleh memberi pengaruh atau idea kepada orang lain untuk bertindak sama seperti yang dilaporkan di media.

Gambaran negatif media terhadap laporan mengenai kes-kes yang berkaitan isu kesihatan mental ini secara tidak langsung meningkatkan stigma masyarakat terhadap isu ini seterusnya memberi kesan terhadap kempen kesedaran yang dianjurkan oleh pihak berwajib seperti Kementerian Kesihatan Malaysia. Namun keadaan ini semakin menunjukkan impak positif terhadap penerimaan kesedaran kesihatan mental yang disampaikan melalui media sosial. Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Sampogna, Bakolis, Evans-Lacko, Robinson, Thornicroft dan Henderson (2017) mendapati terdapat peningkatan yang positif tentang kesedaran mengenai kesihatan mental dengan menggunakan kempen pemasaran sosial (*social marketing campaign*) iaitu melalui *Facebook*. Kajian tentang pengaruh media sosial melalui *Twitter* juga mendapati *tweet* yang mengandungi maklumat mengenai penggunaan *Twitter* untuk meningkatkan kesedaran tentang masalah kesihatan mental, memerangi stigma dan kempen menerima jumlah terbesar *tweet* iaitu 65 peratus dan 58 peratus “suka” (Berry et al., 2017).

CADANGAN DAN RUMUSAN

Sebagai kesimpulan, pengaruh media terhadap isu kesihatan mental adalah sangat signifikan dengan senario semasa di negara ini. Setakat pembacaan pengkaji, masih kurangnya kajian yang dilakukan untuk mengkaji bagaimana media memainkan peranan bagi untuk memberi pendedahan dan mendidik masyarakat tentang isu yang diketengahkan. Oleh itu, limitasi bagi kajian ini adalah kurangnya sumber tentang kajian yang dilakukan di Malaysia. Pengkaji mencadangkan agar lebih banyak kajian dilakukan tentang bagaimana media memainkan peranan dalam mempengaruhi isu melibatkan kesihatan mental. Sememangnya tidak dinafikan bahawa media di Malaysia telah menjalankan liputan yang cukup meluas mengenai isu-isu semasa terutamanya melalui media cetak. Peranan media sosial juga tidak kurang pentingnya terutamanya dalam revolusi industri 4.0 yang semakin pesat berkembang. Penggunaan media sosial secara berilmiah dan beretika dilihat dapat membantu mengurangkan stigma terhadap pesakit mental dan isu kesihatan mental. Walaupun sering kali media sosial dikaitkan dengan pengaruh negatif, namun tidak dapat dinafikan media sosial kini tergolong dalam satu medium komunikasi yang cukup berkesan dalam menyampaikan sebarang maklumat kepada setiap lapisan masyarakat. Liputan media massa bercetak seperti surat khabar juga dicadangkan agar mendapatkan pandangan daripada pihak yang lebih berautoriti, lebih memegang etika penyiaran agar tidak memberikan gambaran negatif mengenai kes yang berkaitan masalah mental di negara ini seperti yang diketengahkan oleh Mohd Afiq et al. (2017).

RUJUKAN

- Ainsah, O. & Osman, C.B. (2013). *Principles and Practice of Psychiatry*. Kuala Lumpur: UPNM Centre for Publications.
- Anderson, M. (2003). 'One flew over psychiatric unit': mental illness and the media. *Journal of Psychiatric and Mental Health Nursing*, 10, 297-306.
- Astro. Astro. All Asia Networks. Retrieved from <https://corporate.astro.com.my/our-company/about-us>
- Berry et al. (2017). #WhyWeTweetMH: understanding why people use twitter to discuss mental health problems. *Journal of Medical Internet Research*, 19(4):107
doi: 10.2196/jmir.6173
- Burnell, K., & Kuther, T.L. (2016). Predictors of mobile phone and social networking site dependency in adulthood. *Cyberpsychology, Behavior, and Social Networking*, 19(10), 621-627.
- McClellan, C., Ali, M.M., Mutter, R., Kroutil, L. & Landwehr, J. (2016). Using social media to monitor mental health discussions – evidence from Twitter. *Journal of American Medical Informatics Association Advance*, 1-6.
doi: 10.1093/jamia/ocw133
- Fergie, G., Hunt, K., & Hilton, S. (2016). Social media as a space for support: young adults' perspectives on producing and consuming user-generated content about diabetes and mental health. *Social Science & Medicine*, 170, 46-64.
doi: <http://dx.doi.org/10.1016/j.socscimed.2016.10.006>
- Goodwin, J., & Izzat Tajjuddin. (2016). "What do you think I am? Crazy?": the joker and stigmatizing representations of mental ill-health. *The Journal of Popular Culture*, 49(2), 385-402.
- Hawn, C. (2009). Take two aspirin and tweet me in the morning: how twitter, facebook, and other social media are reshaping health care. *Health Affairs*, 28(2), 361-368.
doi: 10.1377/hlthaff.28.2.361
- Hayes, J.F., Maughan, D.L., & Peterkin, H.G. (2016). Interconnected or disconnected? Promotion of mental health and prevention of mental disorder in the digital age. *The British Journal of Psychiatry*, 208, 205-207.
doi: 10.1192/bjp.bp.114.161067
- Ili Hadri Khalil. (2018). Malaysia negara ke-9 paling aktif media sosial, ke-5 paling ramai guna e-dagang. Astro Awani, 30 Januari 2018. Retrieved from <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/malaysia-negara-ke9-paling-aktif-media-sosial-ke5-paling-ramai-guna-edagang-laporan-166998>
- Kuok Tiung, L. & Mohd Safar Hasim. (2016). Artikulasi isu-isu sejarah dalam media massa di Malaysia. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 43(1), 1-18.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2013). Memahami masalah kesihatan mental. Retrieved from <http://www.myhealth.gov.my/memahami-masalah-kesihatan-mental/>
- Mohamad Afiq Johari et al. (2017). Perception of media in reporting suicide cases in Malaysia. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioral Sciences*, 7(1), 59-67.
- Moorhead, S.A., Hazlett, D.E., Harrison, L., Carroll, J.K., Irwin, A., & Hoving, C. (2013). A new dimension of health care: systematic review of the uses, benefits and limitations of social media for health communication. *Journal of Medical Internet Research*, 15(4).
- Noor Hisham Abdullah. (2019). Hari kesihatan mental sedunia tema: "sayangi nyawa hidupakan harapan". Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.
- Nurrianti Jalli. (2019). Memerangi disinformasi dan berita palsu. Berita Harian, 19 Jun 2019. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2019/06/575761/memerangi-disinformasi-dan-berita-palsu>
- Reavley, N.J., Jorm, A.F., & Morgan, A.J. (2016). Beliefs about dangerousness of people with mental health problems: the role of media reports and personal exposure to threat or harm. *Soc Psychiatry Psychiatr Epidemiol*.
doi: 10.1007/s00127-016-1215-6

- Roadway, C., Flynn, S., While, D., Rahman, M.S., Kapur, N., Appleby, L., & Shaw, J. (2014). Patients with mental illness as victims of homicide: a national consecutive case series. *Lancet Psychiatry*. doi: [http://dx.doi.org/10.1016/S2215-0366\(14\)70221-4](http://dx.doi.org/10.1016/S2215-0366(14)70221-4)
- Roslina Abdul Latif, Wan Amizah Wan Mahmud, & Ali Salman. (2013). A broadcasting history of Malaysia: progress and shifts. *Asian Social Science*, 9(6). doi: 10.5539/ass.v9n6p50
- Saha, K., Torous, J., Ernala, S.K., Rizuto, C., Stafford, A., & De Choudhury, M. (2019). A computational study of mental health awareness campaigns on social media. *Society of Behavioral Medicine*. doi: 10.1093/tbm/ibz028
- Sampogna, G., Bakolis, I., Evans-Lacko, S., Robinson, E., Thornicroft, G., & Henderson, C. (2017). The impact of social marketing campaigns on reducing mental health stigma: results from 2009-2014 Time To Change programme. *European Psychiatry*, 40, 116-122. doi: <http://dx.doi.org/10.1016/j.eurpsy.2016.08.008>
- Shoesmith et al. (2017). Reactions to symptoms of mental disorder and help seeking in Sabah, Malaysia. *International Journal of Social Psychiatry*, 1-7. doi: 10.1177/0020764017739643
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2016). Internet users survey 2016. Retrieved from https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/IUS2015-Appendix_281216_final-20171016.pdf
- Xu et al. (2016). Leveraging social media to promote public health knowledge: example of cancer awareness via Twitter. *JMIR Public Health and Surveillance*, 2(1) doi: 10.2196/publichealth.5205
- Zul Azlin Razali, Suhaila Sanip, & Rabi'atul 'Adawiyah Sa'ad. (2018). Mental illness portrayal in media: a summative content analysis of Malaysian newspapers. *International Journal of Business and Society*, 19(2),324-331.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2019). Islam, Joker dan stigma masalah mental. *Bayan Linnas*, 216. Retrieved from <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3733-bayan-linnas-siri-ke-216-islam-joker-dan-stigma-masalah-mental>